

# FATWA VAKSIN



## PENDAHULUAN

Islam amat menitikberatkan penjagaan kesihatan umatnya serta memberi gelakian agar sentiasa berlakir dan mengelir dari daripada ditimpakan penyakit. Sebagaimana hadis yang diriwayatkan dari Sayid Bin Abi Waqqas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَصَبَّحُ بِسَبَبِ  
تَمَرَّاتٍ عَجُوجَةَ مُّ يَضُرُّهُ  
ذَلِكَ الْيَوْمُ سُمٌّ وَلَا سِرْعَرٌ

Maksudnya: Barang siapa yang bersorap dengan tujuh biji kurma 'ajwah, tidak akan ditimpakan kemudarat dari racun dan sifir pada hari tersebut.

(Riwayat Muslim)

Secara umum hadis di atas memberi gelakian kepada umat Islam agar berkhiriat untuk melindungi diri daripada sesuatu yang boleh memberi mudarat. Tindakan melindungi diri ini merupakan tindakan berjaga-jaga (precaution) terhadap sesuatu bahaya yang mempunyai kebarangkalian untuk menimpa diri seseorang.

## VAKSIN DALAM ISLAM

Pengambilan vaksin dilihat merupakan salah satu cara yang dilakukan oleh kerajaan bagi melindungi rakyat dari penyakit bagaimanapun sekalius mengurangkan risiko kematian. Hal ini bertepatan dengan maaqasid al-syar'iyyah yang wajib dipelihara lalu memelihara agama (hifz al-din), memelihara nyawa (hifz al-nafs), memelihara akhlak (hifz al-aql), memelihara keturunan (hifz al-nasl) dan memelihara harta benda (hifz al-mal).

Pemberian vaksin dilihat sebagai suatu tindakan penting dalam iktiar untuk memelihara nyawa pada waktu ini

mendangkan angka kes baharu dan kes kematian yang meningkat saban hari.

Usaha mengelak atau menghilangkan sebarang risiko jangkitan penyakit dalam kalangan masyarakat merupakan iktiar yang amat digalakkan oleh Islam sebagai amanah hadis yang diriwayatkan dari Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا ضَرَرٌ وَلَا ضِرَارٌ

Maksudnya: Tidak boleh berbuat kemudarat dan tidak boleh membawa kemudarat dengan kemudarat.

(Riwayat Ibn Majah)

Hadis ini menjelaskan larangan melakukan sebarang kemudarat sama ada terhadap diri sendiri maupun terhadap orang lain segala jenis kemudarat termasuklah mudarat kesihatan. Hal ini sesuai dengan matlamat pemberian vaksin lalu supaya ia akan membina imuniti tubuh sekaligus dapat mengelak diri dari jangkitan penyakit dan bagi mengelak dari menjadi penyebab jangkitan kepada orang lain.

Antara kaedah fiqh yang digunakan dalam perentuan keharusan pengambilan vaksin adalah sebuah kaedah fiqh yang masyhur laiu:

الضَّرَرُ يُبَارِى

Maksudnya:  
Kemudarat itu disingkirkan.

Sesuatu kemudarat yang wujud di dalam kehidupan mestilah dihilangkan atau disingkirkan. Antaranya adalah dengan mengambil langkah berjaga-jaga (precaution) terhadap sesuatu bahaya yang bakal menimpakan. Justeru pengambilan vaksin termasuk dalam cara menyingkirkan kemudarat yang wujud dalam kehidupan.

Perentuan hukum penggunaan vaksin juga mengambil kira kebarangkalian mudarat yang berlaku dalam hal ini para ulama telah menetapkan kaedah umum yang sesuai dalam situasi ini laiu:

أَنَّ أَدَنَ الْمُفْسَدَتَيْنِ  
يَرْتَكِبُ مِنْ أَجْلِ  
دُفْعَ أَعْلَاهُمَا

Maksudnya: Sesungguhnya mafsaadah yang paling ringan antara dua mafsaadah dilakukan dengan tujuan mengelakkan mafsaadah yang lebih besar.

Pada dasarnya sesuatu pilihan yang diluah oleh kerajaan mahupun individu mestilah suatu keputusan yang tiada sebarang mafsaadah atau kesan negatif dalam segala aspek kehidupan. Namun dalam keadaan-keadaan yang tertentu wujud situasi sukar yang memerlukan pilihan dibuktikan antara dua mafsaadah. Berdasarkan kaedah di atas maka perintilhan kesan mafsaadah dengan mengambil kira mafsaadah yang paling ringan antara kedua-duanya. Pengambilan vaksin dilihat lebih ringan mudaratnya berbanding dengan mudarat tidak mengambil vaksin.

## KESIMPULAN

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakkarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal U管家 Islam Malaysia Kali Ke-10 dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor (MJKFN) Kali Ke-1/2021 memutuskan bahawa Hukum Penggunaan Vaksin COVID-19 adalah harus dan lantang wajib diambil oleh golongan yang ditugaskan oleh Kerajaan Malaysia. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira pandangan daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta perbahasan ilmiah oleh ahli-ahli mesyuarat di peringkat MKI.

Berdasarkan perintilhan terhadap keputusan-keputusan fatwa berkaitan vaksin, keharusan pengambilan sesuatu vaksin bukanlah secara mutlak, ia dipersetujui dengan mengambil kira beberapa perkara antaranya:

1 Sumber vaksin hendaklah daripada bahan-bahan yang suci dan tidak najis.

2 Jika tidak dapat dilakukan, vaksin yang bersumberkan daripada bahan haram dibenarkan atas dasar darurat yang diklarifikat syarak.

3 Sekiranya terdapat dua pilihan vaksin laiu yang bersumberkan bahan halal dan yang haram, maka wajib memilih vaksin yang bersumberkan bahan halal.

Umat Islam seharusnya menyambut baik usaha kerajaan dalam mengelakkan penularan wabak yang merbahaya ini dengan mengambil suntikan vaksin yang diberikan oleh kerajaan, tindakan mengelak dari mengambil vaksin sembilang akan menyebabkan kemudarat yang lebih besar kerana data KKM menunjukkan mereka yang belum mendapat vaksinasi terdedah dan berisiko tinggi terhadap jangkitan COVID-19.

